



Tentang Pelaksanaan Syariah di Malaysia: Tohmahan dan Kefahaman (Perspektif Undang-undang)

DR. ZULKIFLI HASAN
EXCO ABIM PUSAT (SHARIAH DAN KEWANGAN ISLAM)
TIMBALAN PENGERUSI BIRO ANTARABANGSA

Isi Kandungan

- **Pendahuluan**
- **Persepsi Masyarakat**
 - **3 golongan**
- **Faktor Pembentukan Persepsi**
- **Maksud Pelaksanaan Syariah**
- **Pandangan Ulama Kontemporari**
- **Dasar Pelaksanaan Syariah**
- **Halangan Undang-undang**
 - **Nyata atau khayalan atau sekadar persepsi**
 - **Salah Tanggapan**
 - **Sampaikah masanya untuk pelaksanaan Syariah menyeluruh**
- **Kesimpulan**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ

وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

- Surah Al-Hasyr, ayat 18:
- *"Wahai orang-orang beriman, bertaqwalah kepada ALLah, dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang hendak diperbuatnya untuk hari esok (Hari Akhirat), dan bertaqwalah kepada Allah, sungguh Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."*

Pendahuluan

- Pelaksanaan syari`at (*tatbiq al-shari`ah*).
- Syari`at adalah cara hidup yang lengkap (*the complete way of life*) yang mengatur segala dimensi kehidupan manusia: hubungannya dengan Tuhan dan hubungannya dengan sesama manusia sebagaimana yang diperincikan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti *ibadat, munakahat, mu`amalat* dan *jinayat*.
- Dengan demikian konsep pelaksanaan syari`at harus difahami dalam pengertian luas, termasuk dimensi hukum-hakamnya, semangatnya, akhlaknya, dan *maqasidnya* iaitu objektif pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Persepsi Masyarakat

- Golongan yang menolak sama sekali Undang-undang Islam dan kemungkinan Undang-undang Islam dilaksanakan.
- Golongan yang menerima Undang-undang Islam tetapi tidak yakin dengan kemungkinan Undang-undang Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- Golongan yang menerima Undang-undang Islam dan yakin bahwa Undang-undang Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Faktor

- Undang2 Islam belum digubal sepenuhnya
- Tiada model negara Islam yang mengamalkan sepenuhnya
- Tekanan antarabangsa
- Anggapan Bahawa Pelaksanaan Undang-Undang Islam Membawa Kemunduran
- Anggapan Bahawa Undang-Undang Islam Tidak Sesuai Dilaksanakan Dalam Masyarakat Majmuk: Pelbagai bangsa dan agama

Maksud Pelaksanaan Syariah

- Syaikh Abdul Wahab Khalaf (Ilmu fi Usul al-Feqh)
- Hukum Hakam Akidah, Hukum Hakam Akhlak dan Hukum Hakam Amali. Iaitu hukum hakam berkaitan perbuatan manusia.
- Hukum Hakam Amali ini pula terbahagi kepada dua bahagian yang besar, iaitu Hukum Hakam Ibadat dan Hukum Hakam Muamalat (transaksi).
- Muamalat pula dipecahkan kepada 7 bahagian, iaitu Hukum Hakam Kekeluargaan, Hukum Hakam Madani (sivil), Hukum Hakam Jenayah (hudud, qisas dan takzir), Hukum Hakam Perundangan, Hukum Hakam Kenegaraan, Hukum Hakam Antarabangsa dan Hukum Hakam Ekonomi .
- Perlu faham dan realistik tentang pelaksanaan syariah secara total dan menyeluruh.

Pandangan Kontemporari Ulama

- Sheikh Rashid Ganoushi: Jamin kebebasan individu. Demokrasi kemudian Syariah.
- Qaradawi: Temubual 12/2011: Ijtihad, pelaksanaan syariah secara berperingkat (13 thn di Makkah/10 thn di Madinah) 10/2011 di Aljazeera "Hudud Dalam Wacana Feqh Masa Kini": Memelihara kebebasan rakyat lbh awla pelaksanaan syariah. 'sebelum Nabi SAW melaksanakan hukum hudud, Baginda terlebih dahulu menegakkan Islam secara keseluruhannya, yakni menegakkan kehidupan Islam'
- Tariq Ramadhan: Dar al Da'wah dar al shahadah.
- Syaikh Muhammad Abdullah al-Khatib, pengarang Risalah al-Ta'lim, Syarh Usul al-'Isyreen: "hudud dengan syarat yang ketat dan syarat menyediakan keperluan asas kepada setiap individu sebelum melaksanakannya, datang pada kedudukan penghujung hukum hakam [Islam dari segi pelaksanaan]."

Dasar Pelaksanaan Syariah

- Bagi Hukum Hakam Akidah, Hukum Hakam Akhlak boleh sahaja dilaksanakan.
- Bagi Hukum Hakam Amali iaitu ibadat boleh sahaja dilaksanakan.
- Bagi Hukum Hakam Amali Muamalat (transaksi): Hukum Hakam Kekeluargaan, Hukum Hakam Madani (sivil), Hukum Hakam Perundangan, Hukum Hakam Kenegaraan, dan Hukum Hakam Ekonomi boleh sahaja dilaksanakan.
- Bagi Hukum Hakam Jenayah: Dasar pelaksanaan hudud ialah tidak dilaksanakan melainkan apabila kita telah melaksanakan ajaran-ajaran Islam keseluruhannya yang berkaitan akidah, syariat, akhlak, tata susila dan nilai-nilai [murni], kita bangunkan masyarakat Islam, dalam keadaan ini, kita laksanakan [hukum] hudud.

Halangan Undang-undang

- Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Parlimen menggubal undang-undang dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama manakala Dewan Undang Negeri menggubal undang-undang dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.
- Perkara jenayah terletak di dalam item 4 Senarai Persekutuan. Jika undang-undang hudud tertentu seperti mencuri ingin digubal oleh Dewan Undang Negeri Pindaan terhadap Item 4 ini perlu dilakukan terlebih dahulu.
- Akta Bidangkuasa Jenayah (Mahkamah Syariah) 1984

Salah Tanggapan

- 1. Perlembagaan Malaysia adalah sekular?
- 2. Islam adalah agama rasmi?
- 3. Islam hanya ritual dan ‘ceremonial’?
- 4. Mahkamah Syariah?
- 5. Hudud itu syariah dan syariah itu hudud?

Shariah Boleh Dilaksanakan

- Professor Ahmad Ibrahim: Menerima perlembagaan Malaysia itu secara positif berusaha melaksanakannya supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam.
- Orang-orang Islam seharusnya mendakwa bahawa mereka berhak di bawah Perkara 3(1) mengikut cara hidup mereka berasaskan kepada ajaran-ajaran Islam.
- 1. Perkara 37 dan jadual ke 4 Kedudukan istimewa Islam boleh dilihat dari bentuk sumpah jawatan bagi Yang di Pertuan Agong.
- 2. Perkara 11, Fasal (4) memperuntukkan "Undang-Undang Negeri, boleh mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam".
- 3. Perkara 12 Fasal (2) pula memperuntukkan bahawa adalah sah bagi Persekutuan dan sesuatu negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam dan mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang diperlukan bagi maksud itu.

Samb...

- 4. BM dijadikan Bahasa Kebangsaan dan takrif "Melayu" diberi erti seorang yang menganuti ugama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu, dan menurut adat istiadat Melayu.
- 5. Raja-raja Melayu bagi negeri-negeri hendaklah orang Melayu dan Islam.
- 6. Membaca Perkara 4 keseluruhannya dan dengan cara yang praktikal. "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.
- Perkara 4(1) itu menyentuh tentang undang-undang bertulis sahaja, iaitu undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan. Namun demikian ia hanya menyentuh undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka. Dalam konteks Malaysia boleh diujjahkan bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak boleh menyentuh kesahan Hukum Syarak, yang bukan undang-undang bertulis dan bukan diluluskan selepas Hari Merdeka

Sampai masanya untuk Pelaksanaan Shariah secara menyeluruh?

- Bangunkan masyarakat Islam: ajaran-ajaran Islam keseluruhannya yang berkaitan akidah, syariat, akhlak, tata susila dan nilai-nilai [murni].
- Qaradawi: “sebelum dilaksanakan hudud, beri makan terlebih dahulu kepada orang yang lapar, sediakan pekerjaan kepada penganggur, ajarkan orang yang jahil dan latih para pekerja”.
- Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia: Slps 3 dekad pelaksanaan DEB, 75% pendapatan isi rumah di bawah RM2,000 sebulan adalah Bumiputra.
- Kemiskinan tegar 2009: 0.7%. Kadar kemiskinan keseluruhan: 3.8%=Paras Garis Kemiskinan iaitu RM800 sebulan bg saiz isi rumah seramai 6 orang.
- Kadar kemiskinan di Malaysia sebenarnya berada di tahap 24.3% sekiranya PGK dinaikkan kepada RM1,500 sebulan.
- Golongan miskin melampau dianggarkan lbh satu juta individu atau 300,000 hingga 400,000 keluarga.

Rumusan

- 3 golongan persepsi masyarakat.
- Perlu kefahaman apa itu syariah: aqidah, akhlak dan amali (ibadat dan muamalat)
- Perlu memahami dasar pelaksanaan syariah
- Terdapat halangan undang-undang. Tetapi ianya tidak bersifat mutlak dan boleh diatasi dengan kerangka sedia ada.
- Keperluan membangunkan Islam secara menyeluruh untuk melaksanakan Islam secara total.

E-mail: zul361977@yahoo.com

Blog: <http://zulkiflihasan.wordpress.com>